



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI KE MESIR PERKUKUH HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA-MESIR, JANA RM4.8 BILION POTENSI EKSPORT

Lawatan Rasmi Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, ke Mesir dari **10 – 12 November 2024** telah berjaya mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia-Mesir, dan sekali gus menjana **potensi eksport bernilai RM4.8 bilion** untuk Malaysia. Beliau turut diiringi oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, dan Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Mohamad Hasan.

Potensi eksport tersebut diraih melalui, antara lain, **Mesyuarat Meja Bulat** yang disusun oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Wakil-wakil perniagaan dari kedua-dua negara mempamerkan minat yang mendalam untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi dua hala. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh kira-kira **60 pemimpin industri dan perniagaan dari 47 syarikat serta persatuan perniagaan utama di Mesir**, bersama **40 wakil dari 20 syarikat Malaysia** yang menyertai delegasi perniagaan.

Sepanjang sesi ini, perbincangan produktif antara syarikat-syarikat Malaysia dan Mesir telah menghasilkan **potensi eksport bernilai RM4.8 bilion (USD1.1 bilion)**, terutama dalam sektor bernilai tinggi seperti **automotif, kimia, oleokimia dan tenaga boleh baharu**. Selain itu, syarikat-syarikat Mesir turut menunjukkan minat untuk meneroka **peluang pelaburan di Malaysia**, terutamanya dalam sektor **peranti perubatan dan farmaseutikal**.

Semasa mesyuarat dua hala di antara YB Menteri MITI dengan Menteri Pelaburan dan Perdagangan Antarabangsa Republik Arab Mesir, TYT Hassan El Khatib, kedua-dua Menteri juga telah bersetuju supaya **Jawatankuasa Bersama Perdagangan dan Pelaburan (Joint Trade and Investment Committee - JTIC)** Malaysia-Mesir diaktifkan semula. Malaysia bersetuju menjadi tuan rumah kepada **Mesyuarat JTIC Ke-2 pada awal tahun 2025** dengan penumpuan kolaborasi di dalam **sektor semikonduktor, tenaga boleh baharu, industri halal serta transformasi digital**. Di samping itu, kedua-dua Menteri juga telah bersetuju supaya **Malaysian Investment Development Authority (MIDA)** dan **General Authority for Investment & Free Zones (GAFI)** menandatangani

memorandum persefahaman bagi memperkukuhkan hubungan serta promosi pelaburan dua hala Malaysia-Mesir.

Sebagai langkah strategik memperkukuh sokongan kepada pengeksport Malaysia untuk meneroka potensi besar di pasaran Afrika Utara dan negara-negara Arab, **Pejabat Perdagangan MATRADE di Kaherah, Mesir** juga telah **dinaik taraf sepenuhnya** pada Januari 2024, bagi **meningkatkan perkhidmatan akses pasaran dan rundingan eksport**.

Dalam usaha memacu pertumbuhan eksport Malaysia, **PROTON** telah pun mengambil langkah strategik untuk memasuki pasaran Mesir dengan pembukaan kilang pemasangan tempatan. Langkah ini bukan sahaja akan memanfaatkan potensi pasaran automotif Mesir yang berkembang pesat tetapi juga mengukuhkan kehadiran PROTON di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara. Aktiviti pemasangan telah bermula dengan penghantaran pertama kenderaan ***Completely Knocked Down*** (CKD) PROTON pada September 2024. **Jualan dijangka bermula pada Januari 2025, dengan sasaran sebanyak 16,000 unit antara 2024 hingga 2026.**

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Mesir bagi tempoh Januari hingga September 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 21.4% kepada RM3.0 bilion (USD648.0 juta), berbanding RM2.4 bilion (USD545.5 juta) bagi tempoh yang sama pada 2023. Tahun lepas, Mesir merupakan rakan dagang ke-5 terbesar Malaysia dikalangan negara-negara Afrika.

Tengku Zafrul berkata, “Dengan potensi eksport sebanyak RM4.8 bilion dari Malaysia, serta pelbagai inisiatif lain untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Mesir, MITI yakin hubungan dua hala ini akan terus berkembang, sekali gus memberikan impak positif kepada ekonomi dan pencapaian objektif Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia (NIMP) menjelang 2030. MITI serta agensinya akan mengambil tindakan susulan bagi memastikan kesemua inisiatif yang dipersetujui akan dilaksanakan dengan kadar segera.”

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
13 NOVEMBER 2024

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik, MITI

Tel. : +603 62000083

Fax : +603 62064293

Emel : alluks@miti.gov.my

 603-80008000  www.miti.gov.my  webmiti@miti.gov.my



PEMACU POTENSI GLOBAL